

# Nama USIM dicadang ganti KUIM

**N**ILAI: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) adalah antara nama dicadang menggantikan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) di sini apabila pusat pengajian itu dinaikkan taraf sebagai universiti tidak lama lagi.

Kementerian Pengajian Tinggi dijangka membuat keputusan mengenai nama baru itu akhir bulan ini.

Pengerusi Lembaga Pengarah KUIM, Tan Sri Dr Yusof Noor, berkata pihaknya sebelum ini mencadangkan beberapa nama yang difikirkan sesuai dan USIM antara yang diberi perhatian.

"Sebelum ini ada menganggap KUIM universiti yang mengadakan program berkembar, sedangkan dari segi taraf, ia universiti awam," katanya selepas merasmikan majlis Anugerah Khidmat Cemerlang Kuim 2005, di sini semalam.

Dalam perkembangan lain, Yusof berkata, antara perkembangan baru kolej universiti itu ialah penubuhan Fakulti Pergigian yang akan mula mengambil 30 pelajar pertengahan tahun depan.

KUIM antara enam kolej universiti awam akan dinaikkan taraf kepada universiti selaras usaha kerajaan meningkatkan daya saing institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan antarabangsa.

Lima lagi ialah Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO), Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (Kustem), Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) dan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM).

## FAKTA NOMBOR

Naik taraf universiti

6

Kolej universiti awam akan dinaik taraf kepada universiti

30

Pelajar Fakulti Perubatan KUIM diambil tahun depan